

U GB 24-06 00193 BA657

bah

Mahathir - Menara

MENARA KUALA LUMPUR AKAN JADI PUSAT KOMUNIKASI SERBAGUNA

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Menara Kuala Lumpur, yang akan menyediakan kemudahan komunikasi yang sofistikated, akan mempercepatkan usaha menjadikan Kuala Lumpur pusat komunikasi di rantau ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri, yang merasmikan pembinaan "super structure" menara itu hari ini, berkata menara penyiaran dan telekomunikasi bernilai RM270 juta itu merupakan pusat komunikasi serbaguna yang mampu menerima dan mengendalikan segala teknologi terkini.

"Menara ini juga boleh berkomunikasi dengan kapal di perairan Selat Melaka dan komunikasi udara," katanya kepada pemherita selepas majlis itu.

Pembinaan "super structure" menara setinggi 421 meter itu, yang merupakan menara televisyen ketiga tertinggi di dunia, adalah pakej ketiga projek berkenaan yang terdiri daripada "tower shafts", "tower head" dan antena.

Pakej pertama, yang melibatkan kerja penggalian tanah dan perluasan jalan masuk ke puncak Bukit Nanas bermula pada Mac tahun lepas dan siap pada Jun tahun lepas..

Pakej kedua pula yang melibatkan pembinaan "foundation" dari dalam tanah, tiga tingkat struktur konkrit dan membina jalan masuk sementara siap pada April lepas. -- Lagi.

CNS3699

U GB 24-06 00178 BA661

bah

Mahathir - Menara 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir, yang turut diberi taklimat dan melawat tapak menara itu, berkata beliau gembira dengan projek berkenaan yang kini berjalan mengikut iadual.

"Saya dapati rekabentuk menara ini lebih cantik daripada menara yang ada di beberapa negara lain. Saya amat gembira kerana kerja-kerja yang dijalankan amat sofistikated dan menggunakan teknologi tinggi," katanya.

Menara televisyen yang tertinggi di dunia sekarang ialah Menara CN di Toronto, Kanada (553 meter) dengan diikuti Menara Moscow di Rusia (537 meter).

Menara Kuala Lumpur, yang dibina kontraktor Jerman, Wayss and Freytagg, merupakan projek ulung "bina, kendali dan pindah milik" di mana pemiliknya, Svarikat Telekom Malaysia (90 peratus ekuiti) dan Wayss and Freytagg (10 peratus ekuiti) mengendalikannya selama 15 tahun sebelum diserahkan kepada kerajaan.

Dr Mahathir berharap jurutera, juruteknik, arkitek dan kontraktor Malaysia memerhatikan cara dan kaedah pembinaan menara itu bagi mendapatkan teknologi tinggi yang digunakan.

Katanya, apabila siap kelak, menara itu juga akan menjadi mercu tanda Kuala Lumpur yang boleh dibanggakan oleh rakyat Malaysia. -- Lagi.

CNS3717

U GB 24-06 00109 BB532

bah

Mahathir - Menara 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Pada lawatan itu, Dr Mahathir juga memilih warna kuning emas bagi menara berkenaan.

"Warnanya akan gelap daripada bawah dan semakin terang ke atas hingga ke puncak," katanya.

Pembinaan tower head itu, yang berbentuk "muqarnas", iaitu satu rekabentuk Islam. Ia akan menempatkan sebuah restoran berpusing, tempat orang awam melihat keindahan Kuala Lumpur.

Ia dijangka siap pada akhir 1995 dan dibuka pada awal 1996.

Dr Mahathir berkata orang awam dan pelancong yang ingin menaiki menara itu akan dikenakan bayaran bagi menampung kos pembinaan dan pengendaliannya.

-- Bernama

AZG AH NM